

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Pusat Pengajian Perniagaan Islam  
**Sent:** Wednesday, April 12, 2017 12:28 PM  
**To:** UUM - All Staff  
**Subject:** IBS : AKTIVITI BERBASIKAL DAN BERKUDA REHATKAN MINDA STAF IBS



Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Y.Bhg Dato'/Y.Brs Prof./Prof Madya/Dr./Tuan/Puan



**IBS ONLINE:** Tanggal 11 April 2017 (Selasa), Jawatankuasa Kebajikan, Rekreasi dan Sukan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS UUM COB), sekali lagi berjaya mengadakan aktiviti riadah santai iaitu berbasikal dan berkuda bertempat di Pusat

Sukan dan Pusat Ekuin UUM. Kebanyakan staf IBS kurang terdedah dengan kemudahan fasiliti dan rekreasi yang disediakan universiti, lantaran itu jawatankuasa Kebajikan, Sukan dan Rekreasi IBS berusaha merangka aktiviti berterusan bagi memastikan setiap kemudahan rekreasi yang disediakan universiti dapat dirasai oleh setiap staf IBS.

Aktiviti dimulakan dengan konvoi berbasikal dari Pusat Sukan UUM ke Pusat Ekuin UUM yang diketuai oleh Penyelaras Program BIFB IBS iaitu Dr Zairy Zainol bersama 18 orang staf IBS yang lain. Aktiviti riadah santai ini diteruskan di Pusat Ekuin UUM dengan taklimat ringkas berkenaan aktiviti berkuda. Para peserta turut tidak melepaskan peluang untuk merasai pengalaman menunggang kuda buat pertama kali.

Seterusnya konvoi berbasikal ini bergerak menuju ke taman mini golf UUM untuk sesi makan tengahari santai. Semua peserta berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan Pusat Sukan dan Pusat Ekuin UUM dan aktiviti riadah seumpama ini akan terus diadakan dari masa ke semasa.

Habis.

=====

**Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS)**  
**Kolej Perniagaan**  
**Tel : 04-928 6659/6660/6661**  
**Faks : 04-928 6653/6730**



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.